



## Hasad dan Takabbur Menurut Perspektif Hamka

Siti Nursima Mohamed<sup>1</sup>  
Ahmad Najib Abdullah<sup>2</sup>

### ABSTRACT

*Hamka ialah seorang tokoh Indonesia yang telah memberi sumbangan yang besar dalam bidang ilmu terutamanya bidang pengajian tafsir dengan mentafsirkan kesemua 30 juzuk al-Quran yang diberi judul Tafsir al-Azhar. Artikel ini bertujuan mengkaji sudut pandang Hamka mengenai hasad dan takabbur melalui Tafsir al-Azhar. Kajian berbentuk kualitatif ini menggunakan kaedah pengumpulan data bagi mengumpulkan ayat-ayat al-Quran berkaitan hasad dan takabbur dan mengaplikasikan secara deduktif bagi menghuraikan perbahasan Hamka berkaitannya. Pentafsiran Hamka di dalam Tafsir al-Azhar telah menumpukan dengan jelas pentafsiran hasad dan takabbur ini dengan mengaitkannya dengan realiti perkembangan semasa pada zamannya. Hasil daripada kajian ini, didapati hasad dan takabbur daripada pentafsiran Hamka memberi pelbagai sudut pemahaman dan huraian yang jelas yang mana kedua-duanya adalah satu penyakit rohani yang harus dirawat dengan segera agar tidak memberi kesan kepada kehidupan di dunia dan akhirat. Hal ini kerana ianya membawa implikasi akhir bagi seorang muslim ke neraka jika tidak dicegah. Hamka juga dalam isu ini banyak mengaitkan dengan situasi semasa bagi memberi pendekatan pemahaman yang lebih kepada para pembaca kitab tafsirnya.*

**Kata Kunci:** Hamka, Tafsir Al-Azhar, Hasad, Takabbur

<sup>1</sup> Siti Nursima Mohamed, merupakan calon Sarjana Usuluddin di Jabatan Al-Quran Dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

<sup>2</sup> Ahmad Najib Abdullah, PhD, adalah Pensyarah Kanan di Jabatan Al-Quran Dan Al-Hadith, dan merupakan Timbalan Pengarah (Nilam Puri), Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya Nilam Puri, Kelantan.

## PENGENALAN

Hasad<sup>3</sup> dan takabbur<sup>4</sup> adalah antara penyakit rohani yang disenaraikan dan dibincangkan dengan jelas dalam al-Quran al-Karim. Ianya merupakan satu penyakit tercela yang hinggap pada semua peringkat manusia selagi mana mereka berada di muka bumi dan akan teruji dalam sedar dan tidak sedar. Menyedari hasad dan takabbur disebut dengan jelas oleh Allah SWT di dalam al-Quran, membuatkan para ulama silam dan kini masih mengkaji dan memperingatkan masyarakat tentang bahayanya samada ketika berada di dunia mahupun di akhirat kelak. Di antara impaknya adalah apabila seseorang yang berhasad ini menentang ketentuan Allah SWT, amalan kebaikan mereka akan beralih kepada orang yang dihasad diumpamakan seperti musyrikin dan munafiqin,<sup>5</sup> manakala sikap takabbur jelas menunjukkan seseorang cuba mengambil sifat yang hanya layak bagi Allah, dan merasakan diri lebih tinggi sehingga membawa kepada pelbagai sikap yang mazmumah.<sup>6</sup> Melalui penelitian dalam al-Quran, didapati bahawa perbahasan tentang hasad dan takabbur ini telah dijelaskan oleh Allah SWT melalui beberapa ayat yang berkaitan dengan pelbagai tema. Oleh sebab itu, artikel ini akan mengumpulkan ayat-ayat al-Quran yang menjelaskan mengenai hasad dan takabbur dan menghuraikannya melalui pandangan Hamka dari Tafsir Al-Azhar.

<sup>3</sup> Dari sudut bahasa: Kata hasad berasal dari akar kata ha, sin, dan dal. Perkataan hasad dari sudut bahasa, berasal daripada bahasa Arab dari kata hasada yahsudu hasadan. Menurut Ibn Manzur dalam *Lisan al-'Arab* pula, maksud hasad adalah seseorang yang menginginkan hilangnya kesenangan yang dimiliki oleh orang lain dan berusaha memindahkan kesenangan itu agar berpindah kepada dirinya. Kata hasud dalam bahasa Arab bererti orang yang memiliki sifat dengki. Lihat juga Abu al-Fadl Jamal al-Din Muhammad bin Mukrim Ibn Manzur, *Lisan al-'Arab* (Beirut: Dar al-Sadir li al-Tiba'ah wa al-Nasyr, 1955), 2: 611.

Dari sudut istilah: Di antaranya: Dalam kitab Riyadhussolihin, Imam Nawawi mentakrifkan hasad sebagai seseorang yang tidak gembira kalau saudaranya mendapatkan sesuatu, sedangkan ia sendiri akan gembira kalau memperolehnya, maka orang yang sedemikian ini disebut orang dengki. Lihat Abdus Samad Al-Jawi Al-Palembani, *Siyarus Salikin* (cet. ke-2, Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd., 2004), 3:209.

<sup>4</sup> Takabbur merupakan perkataan daripada bahasa Arab yang secara etimologinya berasal dari akar kata kaf ba' ra', *al-kibr*. Iaitu dikasrahkan huruf kaf dan sukun pada huruf ba'. Ibn Manzur mencatatkan *al-kibru* adalah kemuliaan dan kebesaran, serta membawa maksud kesombongan. Pada pandangan penulis Mu'jam Tajul 'Arus, makna *al-kibru* dan *at-takabbur* dan *al-istikbar* adalah berdekatan. Rasulullah SAW mentakrifkan *al-kibr* iaitu kesombongan sebagai menolak kebenaran dan merendahkan-rendahkan orang lain. Baginda telah menyebut mengenai pengertian takabbur ini di dalam hadithnya di antaranya ialah:

الْكِبْرُ بَطْرُ الْحَقِّ، وَغَمْطُ النَّاسِ

Terjemahan: *Al-Kibr* itu adalah menolak kebenaran dan merendah-rendahkan orang lain.

Lihat Abu al-Husayn Muslim bin al-Hajjaj bin Muslim, "Sahih Muslim," (Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah, 2011), 1/92 (Kitab al-Iman, Bab Tahrim al-Kibr wa Bayanah, no. hadith 91).

Manakala Imam Ghazali telah menyebut dalam kitab *Ihya' Ulumuddin* bahawa takabbur itu dapat diertikan sebagai sompong, bongkak atau berasa dirinya lebih tinggi daripada orang lain, baik dari segi kedudukan, keturunan, kesempurnaan bentuk dan sebagainya. Lihat Ibn Manzur, *Lisan al-'Arab* (Kaherah: Dar Al-Ma'arif), 3810, Majiddin Abu Tahir Muhammad bin Yaakub al-Firuzabadi, *Kamus al-Muhit* (cet. ke-8, Beirut: Muassah ar-Risalah, 2005), Zainuddin Abu Abdallah bin Abi Bakr bin Abdul Qadir al-Hanafi ar-Razi, *Mukhtar as-Sihah* (cet. ke-5, Beirut: Maktabah al-Asriah, 1999), Al-Zabidi, Muhammad bin Muhammad bin Abd Razak al-Husaini, *Tajul 'Arus Min Jawahir al-Qamus*, (Beirut Darul Hidayah, t.t), 14:9.

<sup>5</sup> Abi 'Abdullah Mustafa bin Al-'Adawi, *Fiqhul Hasad* (Mesir: Dar Sunnah), 43- 44.

<sup>6</sup> Al-Ghazali, Abu Hamid, Muhammad bin Muhammad, *Ihya 'Ulum Ad-Din*, (Beirut: Dar Al-Ma'rifat), 3: 343.

## SKOP DAN METODOLOGI

Artikel ini berusaha untuk menyenaraikan dan menghuraikan ayat-ayat al-Quran mengenai hasad dan takabbur melalui perspektif Hamka di dalam Tafsir Al-Azhar. Ia menggunakan pendekatan maudhui (tematik) yang akan mengkategorikan ayat-ayat hasad dan takabbur serta berkaitan dengannya sahaja.

Selain itu, artikel ini menampilkan jumlah ayat-ayat al-Quran berkaitan hasad dan takabbur menggunakan lafaz حسد and كبر with dengan menyenaraikan bilangan ayat tersebut dan surahnya. Penulis telah merujuk kitab Mu‘jam al-Mufahras Li Alfaz Al-Quran susunan Muhammad Fuad ‘Abd Baqi<sup>7</sup> bagi memudahkan pencarian. Setelah analisis dibuat, penulis mendapati ayat hasad berada pada 5 tempat manakala ayat takabbur berada pada 69 tempat dalam surah berlainan.

## ANALISIS AYAT HASAD DI DALAM AL-QURAN

Kalimah hasad di dalam al-Quran disebut dengan pelbagai sighah. Setelah diteliti, hasad ditulis sebanyak lima tempat di dalam al-Quran yang terkandung di dalam empat surah. Ianya merangkumi satu surah Makkiyyah dan tiga surah Madaniyyah. Sighah-sighah yang digunakan bagi menggambarkan keadaan hasad ini dengan lafaz-lafaz berikut iaitu:

1. حسد
2. تحسدوننا
3. يحسدون
4. حسدا
5. حاسد

Kalimah-kalimah ini membawa maksud dengki. Senarai lengkap lafaz-lafaz ini mengikut susunan surah dapat dilihat pada jadual di bawah:

Bil	Nama Surah	Tempat Diturunkan	Kalimah Fi'il	No. Ayat	Kalimah Isim	No. Ayat
1	Al-Falaq	Makkiyyah	حسد	5	حسد	5
2	Al-Fath	Madaniyyah	تحسدوننا	15		
3	An-Nisa'	Madaniyyah	يحسدون	54		
4	Al-Baqarah	Madaniyyah			حسدا	109

Berdasarkan jadual di atas, didapati tiga ayat hasad dengan bentuk fi'il dan dua ayat dalam bentuk isim. Ayat hasad juga didapati lebih banyak diturunkan di Madinah berbanding di Mekah.

<sup>7</sup> Muhammad Fuad ‘Abd Baqi, *Mu‘jam al-Mufahras Li Alfaz Al-Quran*, (Dar Al-Kutub Al-Misriah, 2008).

## ANALISIS AYAT TAKABBUR DI DALAM AL-QURAN

Kalimah takabbur di dalam al-Quran disebut dengan pelbagai sighah. Setelah diteliti penulis, ianya ditulis sebanyak 69 tempat di dalam al-Quran yang terkandung di dalam 32 surah. Ianya merangkumi 25 surah Makkiyyah dan 7 surah Madaniyyah. Sighah-sighah yang digunakan bagi menggambarkan keadaan takabbur ini dengan lafaz-lafaz berikut iaitu:

- |     |           |     |           |
|-----|-----------|-----|-----------|
| 1.  | تکبر      | 12. | استکبارا  |
| 2.  | یتکبرون   | 13. | مستکبرا   |
| 3.  | استکبر    | 14. | مستکبرون  |
| 4.  | استکبرتم  | 15. | مستکبرین  |
| 5.  | استکبرت   | 16. | المتکبر   |
| 6.  | استکبروا  | 17. | المتکبرین |
| 7.  | تستکبرون  | 18. | کبر       |
| 8.  | یستکبر    | 19. | کیره      |
| 9.  | یستکبرون  | 20. | الکبر     |
| 10. | متکبر     | 21. | الکبریاء  |
| 11. | المتکبرین |     |           |

Kalimah-kalimah ini membawa maksud kesombongan, kemegahan dan keangkuhan terhadap Allah, kebenaran yang disampaikan para rasul, kaum-kaum terdahulu dan beberapa faktor yang lain. Senarai lengkap lafaz-lafaz ini mengikut susunan surah dapat dilihat pada jadual di bawah:

Bil	Nama Surah	Tempat Diturunkan	Kalimah Fi'il	No. Ayat	Kalimah Isim	No. Ayat
1	Al-Baqarah	Madaniyyah	استکبر استکبرتم	34 87	الکبر	266
2	Ali 'Imran	Madaniyyah			الکبر	40
3	An-Nisa'	Madaniyyah	استکبروا یستکبر	173 172		
4	Al-An'am	Makkiyyah	تستکبرون	93		
5	Al-A'raf	Makkiyyah	تکبر یتکبرون	13 146 36, 40, 75, 76,		

Bil	Nama Surah	Tempat Diturunkan	Kalimah Fi'il	No. Ayat	Kalimah Isim	No. Ayat
			استكروا تستكرون يستكرون	88, 133 48 206		
6	Yunus	Makkiyyah	استكروا	75	الكيرباء	78
7	Ibrahim	Makkiyyah	استكروا	21	الكير	29
8	An-Nahl	Makkiyyah	يستكرون	49	مستكرون مستكرين المتكرين	22 23 29
9	Al-Isra'	Makkiyyah			الكير	23
10	Maryam	Makkiyyah			الكير	7
11	Al-Anbiya'	Makkiyyah	يستكرون	19		
12	Al-Mu'minun	Makkiyyah	استكروا	46	مستكرين	67
13	An-Nur	Madaniyyah			كيره	11
14	Al-Furqan	Makkiyyah	استكروا	21		
15	Al-Qasas	Makkiyyah	استكير	39		
16	Al-'Ankabut	Makkiyyah	استكروا	39		
17	Luqman	Makkiyyah			مستكيرا	7
18	As-Sajdah	Makkiyyah	يستكرون	15		
19	Saba'	Makkiyyah	استكروا	31, 32, 33		
20	Fatir	Makkiyyah			استكبارا	42
21	As-Saffat	Makkiyyah	يستكرون	15		
22	Sad	Makkiyyah	استكير استكترت	74 75		
23	Az-Zumar	Makkiyyah			المتكرين	60, 72
24	Al-Mu'min	Makkiyyah	استكروا يستكرون	42, 48 60	متکر المتكرين	27, 35 76 56

Bil	Nama Surah	Tempat Diturunkan	Kalimah Fi'il	No. Ayat	Kalimah Isim	No. Ayat
					كِبَرُ	
25	Fussilat	Makkiyyah	استكروا	15, 38		
26	Al-Jathiyah	Makkiyyah	استكبرتم	31	مستكبرا الكبيرياء	8 37
27	Al-Ahqaf	Makkiyyah	استكروا تستكرون	10 92		
28	Al-Hasyr	Madaniyyah			المتكبر	23
29	Al-Munafiqun	Madaniyyah			مستكرون	5
30	Nuh	Makkiyyah	استكروا استكبارا	7 7		
31	Al-Muddathir	Makkiyyah	استكبر	22		

Berdasarkan jadual di atas, didapati 44 ayat takabbur dengan bentuk fi'il dan 22 ayat dalam bentuk isim. Ayat takabbur juga didapati lebih banyak diturunkan di Mekah berbanding di Madinah.

### PANDANGAN HAMKA MENGENAI HASAD

Berpandukan analisis ayat-ayat yang berkaitan hasad dan takabbur seperti di atas, penulis akan mengemukakan pandangan Hamka dalam Tafsir Al-Azhar melalui pentafsiran yang telah dibahaskan pada setiap ayat.

#### Pengertian Hasad

Hamka ketika mentafsirkan ayat kelima dari surah al-Falaq telah menakrifkan hasad sebagai satu penyakit yang tidak waras dimana seseorang itu akan mempunyai rasa sakit hati ketika melihat nikmat yang dianugerahkan oleh Allah kepada seseorang sekalipun pemberian Allah itu tidak merugikan dirinya.<sup>8</sup>

Hamka mengkategorikan mereka ini sebagai musuh Allah.<sup>9</sup> Ini merupakan sandaran yang sangat berat terhadap penghasad agar mereka mengetahui kedudukan yang sebenar.

<sup>8</sup> Haji Abdul Malik Abdul Karim Amrullah, *Tafsir Al-Azhar* (Jakarta: Penerbit Pustaka Panjimas, 1982) 30: 312.

<sup>9</sup> Hamka telah menukilkannya lima perkara yang menyebabkan penghasad ini memusuhi Allah SWT. Iaitu, Pertama: Bencinya kepada Allah kerana memberikan nikmat kepada orang lain. Kedua: Hatinya sakit melihat pembahagian yang dibahagikan Tuhan seakan-akan mengatakan, mengapa dibahagi begitu? Ketiga: Menentang Allah kerana Allah memberi kepada siapa yang Dia kehendaki. Keempat: Menginginkan supaya nikmat yang telah diberikan Allah kepada seseorang dicabut kembali oleh Allah. Kelima: Bersekongkol

Pengertian ini bertepatan dengan takrifan yang diberikan oleh Abu Hamid Muhammad Al-Ghazali dalam kitab ‘Ihya’ ‘Ulum Ad-Din iaitu hasad dengki adalah seorang itu tidak suka melihat nikmat Allah Taala dikurniakan kepada saudara semuslim dan menyukai jika nikmat tersebut hilang daripada saudaranya itu.<sup>10</sup>

### Tindak Balas Orang Berhasad

Ketika menggambarkan orang yang mempunyai hasad di dalam jiwanya, Hamka berpendapat mereka ini mampu untuk melakukan perkara yang bukan-bukan terhadap orang yang dihasadnya. Di antaranya, sanggup membuat tuduhan mencuri, memfitnah mereka sebagai musuh kerajaan sehingga dimasukkan ke dalam penjara selama bertahun-tahun tanpa pengadilan, sanggup menuduh perempuan baik dengan menghantar surat layang mengatakan khianat kepada suami.<sup>11</sup> Melihat kepada tindak balas yang luar biasa ini, menunjukkan orang yang berhasad sanggup melakukan apa sahaja di luar batas pemikiran normal sehingga dapat mendatangkan keburukan kepada orang yang dihasadnya.

Selain itu, Hamka juga menyenaraikan kelakuan-kelakuan penghasad melalui tafsiran ayat 120 surah Al-Imran. Seseorang yang mempunyai hasad dengki di dalam jiwa mereka, sebenarnya memberi kesan yang besar kepada kehidupan sehari-hari. Impak yang dapat dirasai oleh diri penghasad di antaranya adalah gangguan pada kualiti tidur, tahap selera makan, dan keadaan psikologi jiwa. Namun begitu, penghasad juga merasai bahagia hanya dengan melihat kesusahan pada orang yang dihasadnya. Dalam tafsirnya Hamka menyebut:

“Jika kamu beroleh kebaikan, mereka pun susah. Tidur mereka sudah tidak tenang lagi, makan mereka tidak enak lagi. Mereka sendiri yang meracuni jiwa mereka dengan rasa benci dan dendam itu. Mereka susah melihat orang beruntung. Kalau dapat, mereka yang menghamburkan harta lagi untuk menghalangi datangnya kebaikan kepada kamu itu. Dan jika kamu ditimpah oleh kesusahan, mereka pun gembira. Tentu mereka akan tertawa-tawa dan merasa puas hati.”<sup>12</sup>

Kelakuan seorang penghasad juga dapat dikesan pada perubahan air muka dan mimik wajah mereka. Hamka memberi gambaran mereka ini dengan keadaan muka mereka akan keruh selalu, bahkan kadang-kadang bibir mereka berubah bentuknya kerana mereka selalu mencemuh. Hamka telah melabelkan mereka ini sebagai ‘fi qulubihim maradhun’ iaitu yang di dalam hati mereka ada penyakit.<sup>13</sup>

### Kesan Hasad

Orang yang mempunyai hasad akan menampakkan beberapa kesan yang jelas pada dirinya samada kesannya di dunia atau di akhirat. Di antara kesannya adalah :

#### 1. Menambah saham dosa.

Setiap penghasad kebiasaannya mempunyai orang yang dihasadnya. Dalam hal ini, Hamka membuat pernyataan bahawa hasad merupakan dosa yang pertama dilakukan di langit dan di bumi. Hamka mengatakan bahawa hasad merupakan dosa kepada Allah

---

dengan musuh Tuhan dan musuhnya sendiri iaitu Iblis. Lihat: Lihat Haji Abdul Malik Abdul Karim Amrullah, *Tafsir Al-Azhar* (Jakarta: Penerbit Pustaka Panjimas, 1982) 30: 312.

<sup>10</sup> Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad, *Ihya ‘Ulum Al-Din*, (Beirut: Dar Al-Ma’rifat) 3:189.

<sup>11</sup> Haji Abdul Malik Abdul Karim Amrullah, *Tafsir Al-Azhar*, 30: 312.

<sup>12</sup> Haji Abdul Malik Abdul Karim Amrullah, *Tafsir Al-Azhar*, 4: 70.

<sup>13</sup> Haji Abdul Malik Abdul Karim Amrullah, *Tafsir Al-Azhar*, 4: 70.

yang pertama dilakukan di langit dan di bumi. Dosa di langit iaitu dengki Iblis kepada Nabi Adam dan dosa di bumi ialah dengki Qabil kepada Habil.<sup>14</sup>

2. Menjadi kesal dan kecewa.

Hamka menyampaikan bahawa hasad ataupun lebih dikenali dengan istilah dengki ini hanya akan menyebabkan perasaan menjadi kesal dan kecewa, bahkan akan dikutuk oleh Malaikat serta dibenci oleh Allah.<sup>15</sup>

3. Menjadi musuh Allah.

Hamka telah menyenaraikan mereka yang berhasad sebagai musuh Allah. Ini kerana mereka telah memusuhi perkara yang telah ditetapkan oleh Allah. Beliau telah menonjolkan pendapat ilmuan mengenai perkara yang menjadi permusuhan Allah. Antara lima perkara yang disenaraikan adalah:<sup>16</sup>

- i. Bencinya kepada Allah kerana memberikan nikmat kepada orang lain.
- ii. Hatinya sakit melihat pembahagian yang dibahagikan oleh Allah.
- iii. Menentang Allah kerana Allah memberi nikmat kepada siapa yang Dia kehendaki.
- iv. Menginginkan supaya nikmat yang telah diberikan Allah kepada seseorang ditarik kembali oleh Allah.
- v. Bersekongkol dengan musuh Allah dan musuhnya sendiri iaitu Iblis.

### Faktor-faktor Penyebab Hasad

Hasad tidak akan tumbuh dengan sendirinya tanpa sebarang faktor pendorong. Di antara faktor-faktor penyebab hasad adalah seperti berikut:

1. Iri hati dengan kelebihan pernah dimiliki.

Ketika mentafsirkan ayat 54 surah An- Nisa', Hamka telah menghuraikan tentang perasaan hasad ahli kitab terhadap kenabian Rasulullah SAW. Berdasarkan pentafsiran ayat ini, Hamka menjelaskan bahawa ahli kitab iri hati terhadap bangsa Arab iaitu dari keturunan Nabi Ibrahim kerana diutuskan seorang Rasul iaitu Rasulullah SAW dan dikurniakan sebuah kitab. Sedangkan Allah SWT juga telah mengurniakan kepada ahli kitab iaitu dari keturunan Bani Israel para rasul dan kitab. Iaitu kitab Taurat.<sup>17</sup>

2. Panjang angan-angan.

Timbulnya hasad berpunca daripada sikap terlalu banyak berangan dan berkhayal untuk memiliki kelebihan yang ada pada orang lain. Bagi Hamka, angan-angan adalah memikirkan perkara yang sukar dicapai oleh diri sendiri. Akibat daripada angan-angan yang demikian timbulnya dengki dan iri hati kepada orang yang mendapat kelebihan itu.

<sup>14</sup> Haji Abdul Malik Abdul Karim Amrullah, *Tafsir Al-Azhar*, 30: 312.

<sup>15</sup> Haji Abdul Malik Abdul Karim Amrullah, *Tafsir Al-Azhar*, 30: 312.

<sup>16</sup> Haji Abdul Malik Abdul Karim Amrullah, *Tafsir Al-Azhar*, 30: 312.

<sup>17</sup> Haji Abdul Malik Abdul Karim Amrullah, *Tafsir Al-Azhar*, 5: 110.

Beliau menegaskan bahawa itulah sebab Ibn Abbas di dalam tafsirnya memberi erti Tamaniy (angan-angan) dengan hasad atau dengki.<sup>18</sup>

Apabila seseorang telah dikaburi dengan kelebihan-kelebihan yang ada pada orang lain, dia akan ditimpa oleh satu penyakit di dalam jiwanya sendiri, di antaranya ialah hasad, benci, mengumpat, merungut, samada kepada orang yang diberi oleh Allah kelebihan itu, atau kepada Allah sendiri. Hal ini menyebabkan waktu yang ada disiasaikan untuk berangan tanpa cuba menggali potensi diri sendiri. Sedangkan berangan-angan menyebabkan jiwa lebih banyak berkhayal daripada bekerja. Lebih banyak mengeluh melihat kelebihan orang lain, sehingga menjadi rendah diri.<sup>19</sup>

### Tingkatan Hasad Yang Paling Tinggi

Hakikatnya hasad mempunyai tingkatan-tingkatannya tersendiri. Tingkatan hasad yang paling tinggi adalah hasad terhadap kurniaan nubuwwat. Ini berpandukan tafsiran Hamka pada ayat 54 daripada Surah An-Nisa'. Kenabian merupakan satu pangkat tertinggi dalam agama. Ahli kitab telah menunjukkan hasad mereka terhadap Rasulullah SAW kerana menganggap hak kenabian adalah hak milik kaum mereka sahaja. Walaupun pada hakikatnya, keturunan mereka pernah mendapat kurniaan yang sama.

Sebagaimana dinukilkan Hamka melalui pandangan Ar-Razi bahawa hasad dan dengki ada, apabila suatu keutamaan telah muncul. Apabila keutamaan seorang manusia telah lebih sempurna maka dengkinya semakin bertambah besar. Nubuwwah adalah pangkat paling tinggi dalam agama. Kemudian keutamaan tertinggi itu dianugerahkan Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW. Apabila kekuasaan dan kewibawaannya makin bertambah besar maka pembela dan penolongnya makin lama makin bertambah juga.<sup>20</sup>

Oleh kerana semua nikmat inilah yang menyebabkan munculnya hasad mereka, walaupun telah dinyatakan bahawa Allah mengurniakan Kitab dan kerajaan besar kepada Ibrahim. Ertinya, pada keturunan-keturunan Ibrahim, pada anak-anaknya telah timbul jemaah yang besar yang mempunyai kenabian dan daulat, agama dan kekuasaan, tapi mereka tidak takjub melihat itu dan tidak berhasad dan dengki. Tetapi setelah nubuwah dan daulat itu diberikan Tuhan kepada Muhammad mereka berhasad padanya.<sup>21</sup>

Ini menunjukkan manusia akan mempunyai rasa hasad walaupun pada satu ketika pernah mencapai nikmat yang sama. Ini kerana sifat hasad akan wujud selagi mana melihat adanya nikmat pada orang lain.

### Role Model Manusia Yang Tidak Berhasad

Dalam mentafsirkan ayat berkaitan hasad atau dengki atau iri hati ini, mempertemukan qudwah hasanah yang dapat diikuti kerana tidak mempunyai rasa hasad. Hamka mengupasnya dengan sangat menarik ketika mengatakan kaum Ansar adalah teladan yang terbaik sebagaimana diceritakan oleh al-Quran mengenai sikap mereka yang mulia agar dapat diaplikasikan dalam kehidupan Muslim.

<sup>18</sup> Haji Abdul Malik Abdul Karim Amrullah, *Tafsir Al-Azhar*, 5: 36.

<sup>19</sup> Haji Abdul Malik Abdul Karim Amrullah, *Tafsir Al-Azhar*, 5: 36-37.

<sup>20</sup> Haji Abdul Malik Abdul Karim Amrullah, *Tafsir Al-Azhar*, 5: 110.

<sup>21</sup> Haji Abdul Malik Abdul Karim Amrullah, *Tafsir Al-Azhar*, 5: 111.

Apakah kelebihan kaum Ansar sehingga mereka tidak mempunyai rasa hasad sebagaimana yang berlaku pada yang lain? Hamka menyenaraikan lima kelebihan kaum Ansar dan di antaranya adalah mereka tidak merasa dengki ataupun keberatan jika kaum Muhajirin itu diberi pembahagian lebih banyak, bahkan harta rampasan Bani Nadhir sebahagian besar hanya untuk Muhajirin. Selain itu, mereka lebih mengutamakan saudara-saudara mereka yang baru hijrah itu, lebih daripada diri mereka sendiri.<sup>22</sup>

Bahkan Hamka menegaskan bahawa tidak ada rasa dengki atau iri hati kaum Ansar apabila melihat Allah dan Rasul-Nya memberikan anugerah berlebih kepada saudara-saudara kaum Muhajirin itu. Ini berdasarkan tafsirannya pada ayat yang bermaksud “Dan tidak mereka dapati dalam dada mereka suatu keinginan pun dari apa yang telah diberikan kepada mereka”<sup>23</sup>

### **Langkah-langkah mengubati hasad**

Hamka telah mendatangkan cara-cara untuk mengubati dan menghadapi orang yang dengki kepada kita melalui panduan ayat yang diturunkan oleh Allah SWT. Cara-caranya adalah:<sup>24</sup>

1. Kaum beriman wajib untuk sentiasa berhati-hati dan berwaspada.
2. Hendaklah sentiasa memperdalam iman dan memperkuat agama.
3. Tidak gelisah.
4. Memberi maaf kepada mereka sebagaimana firman-Nya yang memesan, “Beri maaf mereka!” sebab mereka itu bodoh.
5. Tidak cepat marah dan membiarkan mereka.<sup>25</sup>
6. Mengingati bahawa sesungguhnya Allah Maha Kuasa ke atas setiap sesuatu serta memperteguhkan hati.

### **Hasad di Nusantara**

Pentafsiran Hamka tidak akan lari daripada menyandarkan situasi-situasi yang berlaku pada umat Islam ketika itu. Dalam hal ini, Hamka telah mengulas kaitan hasad dengan penjajahan pihak Barat terhadap Islam. Hamka berkata:

*“...tentang nasib pemeluk Agama Islam beratus tahun lamanya. Segala kemegahan, kekuasaan, kekayaan dan ketinggian telah dicapai oleh pihak Barat, sehingga dijajahnya kerana kita di pihak yang bodoh. Sedangkan kita hanya berangan-angan dan iri hati, sampai ada pepatah sebelum perang: “Belanda mati kerana pangkat, Cina mati kerana kekayaan, Keling mati karena makanan, Melayu mati dalam angan-angan.” Dan kita bertambah mundur lagi kerana hasad dan iri hati. Kalau ada kawan yang kelihatan maju, yang lain benci dan memfitnah. Tiap-tiap yang akan tumbuh, dipancung pucuknya oleh temannya sendiri”.*<sup>26</sup>

<sup>22</sup> Haji Abdul Malik Abdul Karim Amrullah, *Tafsir Al-Azhar*, 28: 61.

<sup>23</sup> Haji Abdul Malik Abdul Karim Amrullah, *Tafsir Al-Azhar*, 28: 61.

<sup>24</sup> Haji Abdul Malik Abdul Karim Amrullah, *Tafsir Al-Azhar*, 28: 273.

<sup>25</sup> Haji Abdul Malik Abdul Karim Amrullah, *Tafsir Al-Azhar*, 28: 273.

<sup>26</sup> Haji Abdul Malik Abdul Karim Amrullah, *Tafsir Al-Azhar*, 5:39.

Sikap pembesar atau orang atasan yang mempunyai sifat hasad ini telah disebut ketika Hamka sendiri berbual dengan Yang Dipertuan Agong Kerajaan Malaysia ketika itu, Tuanku Abdulrahman<sup>27</sup>. Bagi baginda sifat pembesar Melayu yang mempunyai sifat hasad inilah yang menyebabkan British mudah memecah-belahkan orang besar Melayu, sehingga hak-hak pusaka habis dirampas<sup>28</sup>

### Keadaan Yang Tidak Memungkinkan Hasad

Bagi Hamka syurga adalah tempat yang menempatkan ahli-ahlinya yang bebas dari perasaan hasad walaupun ketika berada di dunia dahulu mereka saling mempunyai rasa hasad di antara satu sama lain.<sup>29</sup> Ini bertepatan dengan gambaran yang diberikan al-Quran mengenai ahli syurga yang tidak mempunyai rasa hasad di hati mereka, dan dinasihatkan Hamka untuk direnung. Firman Allah SWT:

وَنَزَّلْنَا مَا فِي صُدُورِهِمْ مِّنْ غِلْيٍ

Terjemahan: *Dan Kami cabutkan segala dendam dan hasad dengki dari hati mereka*

Al-A'raf 7: 43

Jelas Hamka, “Sering kali terjadi, timbul perpecahan kerana berlainan pendapat sedangkan orangnya bersahabat karib. Sedangkan perhitungan Allah amat berbeza dengan sangkaan manusia. Mungkinkah dua orang yang bermusuhan ketika hidup kerana perbezaan pendapat, sampai ada benci dan dengki, kedua-duanya dengan kurnia Allah sama-sama dapat masuk ke syurga. Terbukalah pintu syurga dan soal perselisihan pendapat di dunia telah habis. Kedua-duanya sama-sama masuk syurga dan dari hati keduanya sama-sama hilang rasa benci dan dengki atau seumpama ambisi-ambisi dan nafsu kekuasaan politik di kala hidup. Ini kerana keadaan sudah berubah.”<sup>30</sup>

Hal ini bermaksud, ketika di dunia sesama Muslim juga akan terjadi perselisihan dan akan saling berdengki kerana pergaulan hidup dan masyarakat. Namun begitu, apabila mereka sama-sama dimasukkan ke dalam syurga dengan kurnia Allah, selama sengketa dan dengki di dunia telah dihapuskan di dalam hati mereka.

### PANDANGAN HAMKA MENGENAI TAKABBUR

Setelah meneliti dan menganalisa hasad dari sudut perspektif Hamka, artikel ini juga akan mengupas mengenai pandangan Hamka mengenai takabbur berdasarkan pentafsiran-

<sup>27</sup> Al-Marhum Tuanku Abdul Rahman Ibni Al-Marhum Tuanku Muhammad (24 Ogos 1895 - 1 April 1960) adalah Yang DiPertuan Besar [Negeri Sembilan](#) yang merupakan [Yang di-Pertuan Agong](#) Pertama [Malaysia](#). Baginda memerintah dari [31 Ogos 1957](#) sehingga kemangkatannya pada 1 April 1960. Lihat [https://ms.wikipedia.org/wiki/Tuanku\\_Abdul\\_Rahman\\_ibni\\_Almarhum\\_Tuanku\\_Muhammad](https://ms.wikipedia.org/wiki/Tuanku_Abdul_Rahman_ibni_Almarhum_Tuanku_Muhammad)

<sup>28</sup> Haji Abdul Malik Abdul Karim Amrullah, *Tafsir Al-Azhar*, 5:40.

<sup>29</sup> Haji Abdul Malik Abdul Karim Amrullah, *Tafsir Al-Azhar*, 8:233.

<sup>30</sup> Haji Abdul Malik Abdul Karim Amrullah, *Tafsir Al-Azhar*, 8:234.

pentafsiran yang telah dibuat dalam Tafsir Al-Azhar. Ini dapat dilihat pada huraihan-huraihan berikut.

### Pengertian Takabbur

Menurut Hamka takabbur bermaksud membesarlu diri dan melupakan asal usul siapa diri sendiri. Membuatkan seseorang terasa tinggi, besar, agung, gagah dan perkasa padahal tidak lebih dari seorang makhluk yang melata di bumi, diperbuat dari tanah, menjelma jadi mani lalu menjadi manusia.<sup>31</sup>

### Jenis-Jenis Takabbur:

Hamka menegaskan di dalam Tafsir Al-Azhar bahawa takabbur dapat dibahagikan kepada dua jenis iaitu:

- 1) Takabbur benar
- 2) Takabbur yang tidak benar

Hamka mendatangkan contoh situasi bagi membezakan diantara dua jenis takabbur ini.<sup>32</sup>

- 1) Takabbur yang benar

Situasi pertama: Apabila ingin melawan hasutan syaitan.

Contohnya, seorang manusia yang teguh keimanannya, lalu diperdayakan oleh syaitan. Pada saat ini, kita dibenarkan untuk takabbur merasa diri lebih tinggi daripada syaitan yang jahat supaya tidak mempengaruhi kita.

Situasi kedua: Menjaga kehormatan diri

Kita juga boleh untuk merasa takabbur dan menjaga kehormatan diri apabila berhadapan dengan manusia yang rendah akhlaknya. Sebagai contoh kisah Imam Malik yang tidak mau mendatangi Khalifah al-Mansur kerana imam berprinsip “Ilmu itu didatangi bukan mendatangi”. Sebagai tanda menghargai martabat ilmunya, beliau bersedia menunggu kedatangan khalifah di pondok buruknya, namun tidak bersedia dipanggil menghadap sehingga khalifah yang berkenan datang menziarahi beliau. Maka takabbur sebegini dibenarkan.

- 2) Takabbur yang tidak benar

Takabbur yang tidak benar itu apabila seseorang menyalahgunakan takabbur yang benar tadi. Maka orang yang takabbur itu memanglah tidak benar, kerana dia mendustai keadaan yang sebenarnya. Ini kerana membesarlu diri adalah satu kedustaan, sebab tidak ada diri ini yang besar. Yang besar itu adalah Allah.

### Kisah-kisah Takabbur di dalam al-Quran

Al-Quran memaparkan dan memberikan contoh generasi yang takabbur untuk memperlihatkan dengan lebih jelas perilaku yang dibenci oleh Allah SWT dan sebagai

<sup>31</sup> Haji Abdul Malik Abdul Karim Amrullah, *Tafsir Al-Azhar*, 9: 61.

<sup>32</sup> Haji Abdul Malik Abdul Karim Amrullah, *Tafsir Al-Azhar*, 9: 62.

peringatan kepada generasi-generasi yang datang pada kemudian hari. Sebagaimana Allah SWT mendatangkan role-model bagi perkara yang baik begitu juga dengan perkara yang mazmumah, tidak lain tidak bukan untuk yang mentadabbur ayat-Nya berfikir dengan lebih mendalam.

### 1. Kisah Iblis yang takabbur.

Kisah ketakabburan Iblis<sup>33</sup> sudah diketahui umum dan diulang-ulang dalam ceramah dari setiap generasi. Ia adalah satu kisah ulang tayang secara langsung oleh Allah SWT di dalam al-Quran. Iblis dicop takabbur gara-gara keengganannya untuk patuh kepada perintah Allah agar sujud kepada Nabi Adam A.S. Hamka menyebut kesombongan Iblis disebabkan merasa dirinya lebih tinggi semata-mata kerana diciptakan daripada api berbanding manusia diciptakan daripada tanah. Al-Quran telah mencatatkan kata-kata takabbur Iblis ini di dalam firman-Nya<sup>34</sup>:

قَالَ أَكَنْ خَيْرٌ مِّنْهُ حَلَقْتَنِي مِنْ نَارٍ وَخَلَقْتَهُ مِنْ طِينٍ

Terjemahan: *Iblis menjawab: “Aku lebih baik daripadanya; Engkau (Wahai Tuhanmu) ciptakan daku dari api, sedang Dia Engkau ciptakan dari tanah”.*

Sad 38: 76

Bagi Hamka, sikap sompong yang ditunjukkan Iblis ini disebabkan cara pemikirannya yang salah, kerana menganggap penciptaannya dari api lebih mulia berbanding manusia yang berasal dari tanah.<sup>35</sup> Ini memperlihatkan kepada kita makhluk yang sangat taat kepada Allah SWT mampu untuk berubah hanya kerana perbezaan ciptaan dan merasakan diri lebih baik dari yang lain. Inilah antara faktor pendorong kepada takabbur untuk tumbuh dalam diri.

### 2. Kisah Firaun dan pengikut<sup>36</sup> yang takabbur

Dalam Tafsir Al-Azhar, Hamka telah membongkarkan sikap-sikap takabbur yang ada pada Firaun dan pengikutnya ketika mengulas beberapa ayat berkenaan mereka. Ketika Allah SWT mengutus Musa AS dan Harun AS kepada mereka, sikap ketakabburan atau kesombongan mereka sebagaimana yang ditafsirkan Hamka dapat dilihat pada beberapa perkara:

<sup>33</sup> Melalui tafsiran ayat Al-Kahfi ayat 50, Hamka berkata bahawa Allah telah menjelaskan bahawa Iblis itu berasal dari jin. Perkara ini telah ditegaskan Allah SWT bagi menghilangkan keraguan dalam fikiran kita tentang asal-usul Iblis meskipun dia sama-sama disuruh sujud dengan malaikat. Tegas Hamka, ayat ini menunjukkan bahawa Iblis itu juga bukanlah malaikat, maka tertolaklah cerita Israiliyat yang mengatakan bahawa Iblis itu asal kejadiannya sama dengan malaikat. Lihat Haji Abdul Malik Abdul Karim Amrullah, *Tafsir Al-Azhar* (Jakarta: Penerbit Pustaka Panjimas, 1982) 15: 217.

<sup>34</sup> Haji Abdul Malik Abdul Karim Amrullah, *Tafsir Al-Azhar*, 23: 262.

<sup>35</sup> Haji Abdul Malik Abdul Karim Amrullah, *Tafsir Al-Azhar*, 23: 262.

<sup>36</sup> Hamka berkata Firaun adalah gelaran kebesaran raja-raja Mesir sebagaimana Kaisar merupakan gelaran kebesaran bagi Raja-raja Romawi, Najasyi bagi Habsyi dan Kisra bagi raja-raja Iran di zaman purbakala. Orang Eropah menyebutkan Firaun itu sebagai Pharaoh. Manakala ‘al-malauu’ yang bererti pengikut merupakan orang-orang yang berusaha siang malam ‘memberhalakan’ Firaun. Merekalah yang mengampu Firaun dari atas dan bawah. Selain itu, mereka juga yang membuat khabar-khabar penting dan memuja serta memanjakan Firaun. Oleh sebab itu, Firaun merasakan dirinya Tuhan, si ‘pembesar-pembesar’ ini yang menuhankan Firaun. Lihat: Haji Abdul Malik Abdul Karim Amrullah, *Tafsir Al-Azhar* (Jakarta: Penerbit Pustaka Panjimas, 1982) 9: 25, 18: 48.

Pertama: Sombong dalam menerima seruan mentauhidkan Allah  
Kata Hamka dalam menggambarkan situasi tersebut:

“Nabi Musa dan Harun dapat juga menembus masuk benteng pertahanan kekuasaan Firaun dengan sokongan mala’ih itu dengan membawa ayat-ayat tanda kebesaran Allah tetapi mereka menyombong. Kesemuanya baik Firaun mahupun para pembesar menyombong tidak mahu menerima, membesar diri, memandang enteng ayat-ayat Allah dan tidak memandang Musa dan Harun sebagai utusan Allah.”<sup>37</sup>

Kedua: Kesombongan Firaun ingin diperakukan sebagai Tuhan

Tegas Hamka, Firaun telah betul-betul gila kuasa. Bagi Firaun melihatkan tanah yang subur dan sungai Nil yang mengalir dan tidak ada raja lain yang berani menyanggahnya, membuatkan dia merasa menjadi Tuhan. Bahkan Tuhan yang paling tinggi. Dia telah menanamkan kepercayaan kepada rakyatnya bahawa dia adalah putera dari Dewi Matahari yang bernama Ra.<sup>38</sup> Dengan angkuhnya Firaun berkata, sebagaimana yang tercatat di dalam al-Quran:

وَنَادَىٰ فِرْعَوْنُ فِي قَوْمِهِ قَالَ يَقُولُ أَلَيْسَ لِي مُلْكٌ مِّصْرَ وَهَذِهِ الْأَنْهَرُ  
تَجْرِي مِنْ تَحْتِي أَفَلَا تُبَصِّرُونَ ﴿٤٣﴾

Terjemahan: *dan Firaun pula menyeru (dengan mengisyiharkan) kepada kaumnya, katanya: "Wahai kaumku! Bukankah kerajaan negeri Mesir ini - Akulah Yang menguasainya, dan sungai-sungai ini mengalir di bawah (istana) ku? tidakkah kamu melihatnya?*

Az-Zukhruf 43: 51

Kata-kata takabbur Firaun yang menganggap dirinya adalah Tuhan dirakam dalam firman-Nya yang berbunyi;

فَقَالَ أَنَا رَبُّكُمْ أَلَا عَلَىٰ

Terjemahan: *Dengan berkata: "Akulah Tuhan kamu, yang tertinggi".*

An-Naazi'aat 79: 24

Ketiga: Sombong kerana taraf yang berbeza

Ketika mentafsirkan ayat 47 dari Surah Al-Mu'minun, tampak jelas keangkuhan dan kesombongan mereka dengan taraf yang berbeza di antara mereka dan utusan Allah Nabi Musa AS dan Nabi Harun AS. Hamka menyatakan bahawa kedatangan Musa AS disambut dengan sikap angkuh dan sombong. Mereka berkata: “Adakah kita percaya kepada dua orang manusia, bukan Tuhan dan malaikat, bukan dewa, tetapi manusia? Sedangkan raja Firaun adalah putera dari Dewi Izis dan Ratu Matahari. Bahkan mereka berdua adalah seperti mereka tetapi dari kelas rendah atau kedudukan yang lebih rendah dari mereka.”<sup>39</sup>

Jelas Hamka lagi, mereka menyombong kerana mereka menegakkan kekuasaan dengan kederhanaan, tidak ada nilai-nilai keadilan dan kebenaran. Mereka hanya membangga-banggakan selama ini adalah kekuatan dan kemegahan semata-mata.

<sup>37</sup> Haji Abdul Malik Abdul Karim Amrullah, *Tafsir Al-Azhar*, 11: 289.

<sup>38</sup> Haji Abdul Malik Abdul Karim Amrullah, *Tafsir Al-Azhar*, 30:33.

<sup>39</sup> Haji Abdul Malik Abdul Karim Amrullah, *Tafsir Al-Azhar*, 18: 49.

Kedatangan Musa dan Harun mereka pandang dengan hina dan jijik kerana baginda berdua merupakan dari keturunan Bani Israel yang hidup dalam belas kasihan mereka dan hanya dipandang jijik dan hina. Mereka beranggapan taraf mereka lebih tinggi dan menyombong kerana segala kekuatan, kekayaan ekonomi, senjata dan ilmu pengetahuan yang tinggi yang mereka ada dan kuasai.<sup>40</sup>

### 3. Kisah kaum ‘Aad<sup>41</sup> yang takabbur.

Kesombongan kaum ‘Aad dalam menerima seruan dakwah Nabi Hud AS berdasarkan faktor berikut:

Pertama: Taraf Nabi Hud pada pandangan kaum ‘Aad

Menurut pandangan Hamka, Ketika Nabi Hud AS datang membawa seruan, sebagai utusan Tuhan yang mnayyeru agar mereka kembali ke jalan yang benar, mereka memandang Nabi Hud dengan pandangan kemewahan. Bagi mereka, Nabi Hud AS tidak mempunyai apa-apa kelebihan kerana baginda hanyalah manusia biasa seperti mereka, yang makan makanan seperti mereka dan minum minuman juga. Pandangan mereka tidak terhenti di situ, ajakan Hud AS yang mengatakan bahawa ada kehidupan selepas mati akan menyebabkan mereka tidak akan giat mencari rezeki lagi. Mereka merasakan harta itu sangat penting dan tidak akan dihargai sekiranya tidak mempunyai apa-apa bahkan mereka bimbang akan menjadi bahan tertawaan orang selepas itu.<sup>42</sup>

Kedua: Kemewahan dan kekuatan yang ada

Sikap takabbur yang muncul di dalam diri kaum ‘Aad adalah berpunca kerana kemewahan dan kekuatan yang ada pada mereka, Allah SWT telah berfirman di dalam al-Quran mengenai perkara ini iaitu:

إِنَّمَا ذَاتِ الْعِمَادِ الَّتِي لَمْ يُخْلِقْ مِثْلَهَا فِي الْبَلَدِ

Terjemahan: Iaitu penduduk "Iram" yang mempunyai bangunan-bangunan yang tinggi tiangnya, (sesuai dengan penduduknya). Yang belum pernah diciptakan sepertinya (tentang besar dan kukuhnya) di segala negeri (pada zamannya)?

Al-Fajr 89: 7-8

<sup>40</sup> Haji Abdul Malik Abdul Karim Amrullah, *Tafsir Al-Azhar*, 11:289.

<sup>41</sup> Nabi Hud AS telah diutuskan kepada kaum ‘Aad, dan baginda merupakan saudara atau dari golongan mereka sendiri. Ada juga yang mengatakan bahawa Nabi Hud AS adalah Nabi bangsa Arab yang pertama. Menurut berita sejarah penyelidikan silsilah keturunan bangsa Arab, diterangkan bahawa kaum ‘Aad itu bersama kaum Tsamud, adalah merupakan suku dari bangsa Arab purbakala yang telah musnah. Oleh sebab itu, mereka disebut “Al-Arab al-Baidah”. Bangsa Arab yang telah habis dan tidak ada lagi. Disebut juga di samping ‘Aad dan Tsamud itu kaum Jurhum al-Ula (Jurhum Pertama). Kedudukan kaum ‘Aad ini ialah di sekitar Hadhramaut yang sekarang ini. Tambahan pula, mereka merupakan kaum yang telah mendustakan Rasul-rasul, walaupun satu Rasul yang didustakan bererti mereka mendustakan juga Rasul-rasul yang lain. Nabi Hud AS diutuskan kepada kaum ‘Aad yang menyembah berhala iaitu nama berhala mereka yang masyhur dengan Tsamud dan Hatar yang mana baginda dari kabilah Khulud. Kabilah ini termasuk yang terpandang dan disegani oleh kabilah-kabilah lain yang lain sebagai pecahan dari ‘Aad. Dan disebutkan, bahawa mereka orang yang gagah-gagah, putih-putih kulitnya dan baginda sendiri termasuk yang tergagah di antara mereka. Lihat Haji Abdul Malik Abdul Karim Amrullah, *Tafsir Al-Azhar* (Jakarta: Penerbit Pustaka Panjimas, 1982) 12: 79,73. 8: 276.

<sup>42</sup> Haji Abdul Malik Abdul Karim Amrullah, *Tafsir Al-Azhar*, 18:42.

Kata Hamka, hal ini menunjukkan mereka adalah satu kaum yang besar, kuat lagi gagah dan merasakan paling kaya dan ditakuti di zaman itu. Al-'Imaad yang kita ertikan kemegahan bererti juga tonggak-tonggak tengah khemah yang besar-besarnya dan teguh seketika kaum 'Aad datang menakluk negeri dan kabilah lain.<sup>43</sup> Ini menyebabkan 'Aad menyombong di muka bumi dengan tidak benar. Maka tercatat dalam firman-Nya:

فَإِمَّا عَادُ فَأَسْتَكِبَرُوا فِي الْأَرْضِ بِغَيْرِ الْحَقِّ وَقَالُوا مَنْ أَشَدُ مِنَّا قُوَّةً أَوْلَمْ يَرَوْا أَنَّ  
اللهَ الَّذِي خَلَقَهُمْ هُوَ أَشَدُ مِنْهُمْ قُوَّةً وَكَانُوا بِعَيْنِتِنَا تَجْحَدُونَ

Terjemahan: *Adapun kaum ‘Aad, maka mereka berlaku sombang takbur di muka bumi dengan tiada sebarang alasan yang benar, serta berkata: "Siapakah yang lebih kuat dari kami?" dan (Mengapa mereka bersikap demikian?) tidakkah mereka memerhatikan bahawa Allah yang menciptakan mereka (dari tiada kepada ada) adalah lebih besar kekuatan-Nya dari mereka? dan sememangnya mereka sengaja mengingkari tanda-tanda kekuatan Kami (sedang mereka sedia mengetahuinya).*

Fusshilat 41 :15

## **Balasan Kepada Orang Takabbur**

Allah SWT bukan sekadar mencela sifat takabbur di dalam al-Quran, bahkan memberi peringatan keras tentang balasan terhadap mereka yang bersifat dengan sifat yang jahat ini. Di antaranya ialah:

- ### 1. Mendapat tempat di neraka

Manusia selaku hamba Allah hanya mampu bersikap takabbur, angkuh dan sombong ketika di dunia sahaja. Mereka hanya mampu merasa berkuasa di dunia, melakukan kezaliman namun azab yang pedih dan kekal menunggu mereka di akhirat kelak. Inilah satu azab yang tidak terbayang oleh mereka yang cuba berlaku sombong. Allah SWT telah menjanjikan tempat di neraka bagi mereka yang takabbur. Ini dapat dilihat dalam firman-Nya:

أَدْخُلُوا أَبْوَابَ جَهَنَّمَ خَلِدِينَ فِيهَا فَبِئْسَ مَثَوْيُ الْمُتَكَبِّرِينَ

Terjemahan: "Masukilah pintu-pintu neraka jahannam kekalah kamu di dalamnya; maka seburuk-buruk tempat bagi orang-orang Yang sompong takbur ialah neraka Jahannam".

Al-Mu'min 40·76

Ketika menafsirkan ayat ini, Hamka menerangkan ciri-ciri orang yang bersikap sombang ini iaitu mereka yang sombang kerana merasa dirinya “orang penting” sehingga seruan Allah

<sup>43</sup> Haji Abdul Malik Abdul Karim Amrullah, *Tafsir Al-Azhar*, 30:145.

dan Rasul dipandang kecil sahaja, tidak sebesar dirinya. Mereka juga akan memusuhi orang yang mengajaknya ke arah kebaikan. Inilah golongan orang yang takabbur yang bakal ke neraka.<sup>44</sup>

## 2. Mendapat layanan paling buruk ketika ke neraka

Selanjutnya, Hamka menggambarkan keadaan golongan ini yang akan dihumbangkan ke neraka. Hamka mengatakan penghuni yang akan ke neraka ini akan dibelenggu dan dirantai, mereka juga akan diiringkan berombong-rombongan menuju jahanam. Dan yang mengiringkan itu ialah malaikat-malaikat Zabaniyah bermuka masam yang membuat muka yang seram, sikapnya yang menakutkan dan tidak pernah menunjukkan senyuman serta sentiasa bersikap marah. Bahkan, kita tidak dapat bayangkan bagaimana hebatnya hari itu. Kemudian, ketika diperintahkan untuk masuk ke dalam, mereka terpaksa walaupun takut. Ketika tiba di pintu-pintu neraka, malaikat pengawal pintu itu menyesali kerana mereka tidak mengendahkan anjuran Rasul ketika di dunia.<sup>45</sup>

## 3. Muka dihitamkan Allah SWT

Al-Quran juga menggambarkan rupa orang yang sompong ketika di dunia ketika di akhirat kelak akan dihitamkan muka mereka oleh Allah SWT. Ini jelas dinyatakan di dalam al-Quran di dalam surah Az-Zumar ayat 60:

وَيَوْمَ الْقِيَامَةِ تَرَى الَّذِينَ كَذَبُوا عَلَى اللَّهِ وُجُوهُهُمْ مُسَوَّدَةٌ أَلَيْسَ فِي جَهَنَّمَ مَثُوَّى لِلْمُتَكَبِّرِينَ ﴿٦٠﴾

Terjemahan: *dan pada hari kiamat, Engkau akan melihat orang-orang yang berdusta terhadap Allah (dan yang menyatakan kesedihan itu) - muka mereka hitam legam; Bukankah (telah diketahui bahawa) dalam neraka jahannam disediakan tempat tinggal bagi orang-orang yang sompong takbur?*

Az-Zumar 39: 60

Hamka merungkaikan ayat ini dengan mengatakan bahawa:

*“Hitamlah wajah orang-orang yang di masa hidupnya telah berdusta terhadap Allah itu, kerana diri mereka telah dihinakan. Kedudukan semasa di dunia fana tidak berharga lagi, walaupun sebesar zarah. Kemudian di ujung ayat datanglah kepastian dari Tuhan, tetapi berupa pertanyaan: “Bukankah di dalam neraka jahanam tempat tetap bagi orang-orang yang menyombongkan diri?” Di mana lagi, kalau bukan di sana. Kembali kepada muka yang dihitamkan. Sesungguhnya muka yang dihitamkan, adalah sebagai imbalan dari sikap sompong di waktu hidup di dunia dahulu. Orang-orang yang sompong itu pun selalu terbayang kesombongannya pada raut mukanya. Maka muka yang dihitamkan ialah timbalan dari muka yang memperlihatkan kesombongan di kala hidup di dunia”.*<sup>46</sup>

<sup>44</sup> Haji Abdul Malik Abdul Karim Amrullah, *Tafsir Al-Azhar*, 24:175.

<sup>45</sup> Haji Abdul Malik Abdul Karim Amrullah, *Tafsir Al-Azhar*, 24:175.

<sup>46</sup> Haji Abdul Malik Abdul Karim Amrullah, *Tafsir Al-Azhar*, 24:80.

Bersesuaian dengan ungkapan Hamka ini, kita dapat melihat raut wajah orang yang takabbur atau sompong ketika di dunia menunjukkan riak muka yang angkuh. Jika di dunia, mereka yang ada kuasa, pangkat, keturunan dan sebagainya mampu menunjukkan reaksi air muka begitu, maka di akhirat kelak Allah akan menghitamkan muka mereka sebagai balasan kelakuan mereka yang dulu.

### Ciri-Ciri Golongan Yang Tidak Takabbur

Di dalam al-Quran, Allah SWT memperingatkan hamba-hamba-Nya agar tidak bersikap takabbur, sompong dan angkuh. Namun demikian, Allah juga mendatangkan lafaz takabbur dengan sighah menidakkann<sup>47</sup> iaitu sebaliknya.

Pertama: Para Malaikat

Lafaz ini banyak disandarkan kepada para malaikat di dalam al-Quran. Menurut Hamka, Mereka ini adalah pelaksana-pelaksana perintah dari Allah yang taat dan setia. Mereka ini tidak menyombong daripada ibadat kepada Allah, iaitu tidak menyombong membesar diri. Sentiasa bersiap sedia untuk beribadat kepada Allah, baik di langit yang tinggi ataupun di bumi serta di mana sahaja berada. Dengan mengucapkan kesucian atas-Nya iaitu dengan bertasbih yang termasuk dalam zikir juga.<sup>48</sup>

Kedua: Patuh pada perintah Allah dan sujud pada-Nya

Hamka menambah ciri-ciri orang yang tidak takabbur dengan Allah SWT ini adalah patuh dan taat kepada Allah dengan bersujud dan tidak menyombongkan diri serta membantah perkara yang telah ditentukan oleh Allah. Allah telah menjelaskan kesemua yang sujud kepada-Nya sama ada di langit atau pun di bumi yang terdiri dari manusia, yang melata di bumi terdiri dari makhluk yang berkaki dua, empat, merayap dan sebagainya. Lebih-lebih lagilah malaikat yang mana mereka tidak menyombong. Tegas beliau, yang menyombong adalah manusia yang tidak tahu diri dan Iblis sahaja.<sup>49</sup>

## PENUTUP

Secara keseluruhannya dapat dilihat daripada huraihan dan kajian yang dibuat dalam Tafsir al-Azhar, menampakkan pandangan Hamka mengenai hasad dan takabbur secara tuntas serta memberi sudut pandang yang berbeza. Ianya merangkumi 5 tempat di dalam al-Quran mengenai ayat-ayat berkaitan hasad dan melibatkan 69 tempat ayat-ayat berkaitan takabbur yang berada dalam surah-surah berlainan. Ini menunjukkan takabbur lebih menguasai manusia berbanding sifat hasad. Dari perspektif Hamka, hasad dapat dilihat sebagai satu penyakit yang tidak normal. Ia mendatangkan ketidakwarasan atau gila jika seseorang menghidapinya. Ini berdasarkan contoh-contoh yang diberikan oleh Hamka amat relevan dengan situasi yang berlaku pada masyarakat hari ini.

Melalui sudut pandang ini, dapat membuka satu dimensi baru dalam kajian spiritual Islam bahawa hasad tidak boleh dipandang enteng kerana mampu menyebabkan seseorang hilang akal. Ini merupakan satu perkara yang sangat berat kerana mempengaruhi tingkah laku mereka sehingga dapat mendatangkan ancaman dan bahaya kepada setiap orang yang dihasadnya.

<sup>47</sup> Ayat nafi digunakan untuk menafikan atau menidakkann sesuatu. Untuk menafikan sesuatu huruf nafi diletakkan di hadapannya, di antara huruf nafi adalah dalam bahasa Arab adalah laisa, la, ma, lan, lam dan lamma. Lihat ‘Usman bin Jinni, al-Khasais, al-Haiah al-Misriah al-‘Ammah Lil-Kitab, 3:77.

<sup>48</sup> Haji Abdul Malik Abdul Karim Amrullah, *Tafsir Al-Azhar*, 9: 233-234.

<sup>49</sup> Haji Abdul Malik Abdul Karim Amrullah, *Tafsir Al-Azhar*, 14: 253.

Namun begitu, Hamka juga menggambarkan dengan menarik tentang perbezaan di antara tingkatan hasad yang tertinggi dan keadaan ketika mana hasad sudah tidak lagi berlaku walaupun berada dalam kenikmatan yang banyak. Dalam dimensi zaman yang mencabar ini, kaum Ansar harus diangkat dan ditonjolkan kepada setiap lapisan masyarakat kerana kaum Ansar mampu berlapang dada dan tidak mempunyai sebarang hasad.

Manakala, dari sudut perspektif Hamka mengenai takabbur memperlihatkan kesungguhan Hamka bagi memberi kesedaran kepada umat Islam mengenai bahaya takabbur. Bagi Hamka, takabbur adalah membesarlu diri dan melupakan asal usul siapa diri sendiri. Membuatkan seseorang terasa tinggi, besar, agung, gagah dan perkasa sedangkan tidak melihat asal kejadian mereka dari tanah dan dari air mani manusia sahaja. Perbahasan takabbur ini memberi impak kerana Hamka seolah-olah membawa pembaca menyelami setiap kisah al-Quran berkenaan takabbur yang sentiasa berputar dan berlaku pada setiap masa dan tempat. Pentafsiran Hamka menyerlahkan ketakabburan kaum-kaum terdahulu dengan asbab harta, pangkat, kekuasaan dan paling utama tidak mengimani yang Maha Tinggi dan Maha Kuasa adalah Allah SWT semata-mata. Balasan kepada semua perbuatan takabbur ini adalah neraka Jahannam. Hamka memberi huraihan terperinci terhadap balasan kepada mereka sebagaimana yang dsebut dalam al-Quran. Dalam mentafsirkan ayat-ayat takabbur, Allah SWT menzahirkan sighah yang berlawanan iaitu ciri-ciri orang tidak takabbur sebagai pedoman.

## RUJUKAN

*Al-Quran Dan Terjemahnya*. 1990.

Abi Abdullah Mustafa bin Al-A'dawi, *Fiqhul Hasad*. Mesir: Dar Sunnah.

Abdus Samad Al-Jawi Al-Palembani, *Siyarus Salikin*. cet. ke-2. Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd., 2004.

Al-Ghazali, Abu Hamid, Muhammad bin Muhammad, *Ihya 'Ulum Ad-Din*. Beirut: Dar Al-Ma'rifat, t.t.

Al-Zabidi, Muhammad bin Muhammad bin Abd Razak al-Husaini, *Tajul 'Arus Min Jawahir al-Qamus*. Beirut Darul Hidayah, t.t.

Basmeih, Abdullah Muhammad. *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada Pengertian Al-Quran*. cet. ke-16. Kuala Lumpur : Dar Al-Fikr, 2000.

Haji Abdul Malik Abdul Karim Amrullah. *Tafsir Al-Azhar*. Jakarta: Penerbit Pustaka Panjimas, 1982.

Ibn Manzur, Abu al-Fadl Jamal al-Din Muhammad bin Mukrim. *Lisan al-'Arab*. Kaherah: Dar Al-Ma'rif, 3810.

*Kamus Dewan*. Ed. ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2013.

*Mu'jam Alfaz al-Quran al-Karim*. Mesir: Mujma' al-Lughatul al-'Arabiyyah, 1989.

Majiddin Abu Tahir Muhammad bin Ya'kub al-Firuzabadi, *Kamus al-Muhit* cet. ke-8, Beirut: Muassah ar-Risalah, 2005

Muslim, Abu al-Husayn Muslim bin al-Hajjaj. "Sahih Muslim." Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah, 2011.

Muhammad Fuad 'Abd Baqi, *Mu'jam al-Mufahras Li Alfaz Al-Quran*. Dar Al-Kutub Al-Misriah, 2008.

'Usman bin Jinni, al-Khasais, al-Haiah al-Misriah al-'Ammah Lil-Kitab, t.t.

Zainuddin Abu 'Abdullah bin Abi Bakr bin 'Abdul Qadir al-Hanafi al-Razi, *Mukhtar al-Sihah* cet. ke-5, Beirut: Maktabah al-'Asriah, 1999.